

SPM 2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Modul Intervensi Pembelajaran

SEJARAH

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**JAWATANKUASA MODUL INTERVENSI PEMBELAJARAN
SEJARAH SPM 2025**

PENAUNG

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

PENGERUSI

TUAN HAJI WAN ZURAIDI BIN CHE WAN ZAID
Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

PENGURUS

YM SYED AB RAHMAN HILMI BIN SYED ZAIN
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sains Sosial

PENYELARAS MATA PELAJARAN
PN. FADZILAH BINTI ISMAIL
Penolong Pengarah Sains Sosial

PANEL PENULIS

AZMAN BIN YUSOF (K)
SMK BUKIT SAWA, MARANG

ABDUL AZIZ BIN MOHAMED
SMK SERI SERATING, MARANG

MOHD SUBHI BIN ARSHAD
SMK TEJA PUTRA, DUNGUN

AHMAD KHAIDIR BIN AB WAHAB
SMK SERI BUKIT PUTERI, BESUT

MUHAMMAD SHAHRIN BIN SAID
SMK BUKIT BESAR, K TRG

RAHIMAH BINTI WAN AHMAD
SMK TENGKU IBRAHIM, SETIU

SUMIANTI BINTI CHE OMAR
SMK TENGKU MAHMUD, BESUT

NURUL HUDA AKMILAH BINTI MOHAMAD
SMK TUN INDERA, H TRG

AZLINA BINTI ALIA @ABDUL RAHMAN
SMK MAK LAGAM, KEMAMAN

SET 1

- 1 Apakah kepentingan undang-undang *Kutara Manawa* kepada kerajaan Majapahit?
 - A Melicinkan urusan pentadbiran
 - B Memperkuatkan kedudukan raja
 - C Memastikan kesejahteraan wilayah
 - D Mengelakkan rakyat menderhaka
- 2 Bagaimanakah Kesultanan Johor-Riau meneruskan ciri-ciri negara bangsa dari Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Menjaga hubungan dengan Kerajaan Melayu Kedah
 - B Menjalankan hubungan baik dengan kuasa Barat
 - C Meluaskan wilayah pengaruh di Srivijaya
 - D Menekankan kepentingan Islam
- 3 Mengapakah idea nasionalisme tidak antara negara dan zaman?
 - I Maksud berbeza
 - II Pengaruh sekeliling
 - III Pengalaman sejarah
 - IV Perjuangan bertukar
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Apakah prinsip yang diperkenalkan oleh John Locke dalam karyanya *Two Treatises of Government*?
 - A Perpaduan rakyat
 - B Raja Berperlembagaan
 - C Sistem Parlimen
 - D Dasar cukai

- 5 Rajah menunjukkan negara yang terlibat pakatan ketenteraan dalam Perang Dunia Pertama.

Pakatan ketenteraan	
X	Y
Jerman	Britain
Austria-Hungary	Perancis
Bulgaria	Rusia

X dikenali sebagai

- A Pakatan Bertiga
- B Kuasa Tengah
- C Kuasa Bersekutu
- D Kuasa Paksi

- 6 Maklumat berikut berkaitan usaha menamatkan Perang Dunia Pertama.

Perjanjian Versailles
(28 Jun 1919)

Apakah kesan daripada persidangan tersebut?

- A Pakatan Bertiga berpecah
- B Kuasa Tengah berkuasa kembali
- C Amerika Syarikat semakin lemah
- D Jerman kehilangan tanah jajahan

- 7 Mengapakah British memperkenalkan pentadbiran berikut di Tanah Melayu?


- British Military Administration (BMA)

- A Memajukan Tanah Melayu
- B Menjamin ekonomi mereka
- C Mengelakkan pengaruh luar
- D Memulihkan kepercayaan rakyat

- 8 Mengapakah British Military Administration (BMA) membuat tindakan berikut?

- Mengarahkan MPAJA menyerahkan senjata kepadanya pada 1 Disember 1945.
- A Menyusun strategi pentadbiran
- B Mengukuhkan pentadbiran setempat
- C Memastikan keamanan negara
- D Menyekat ancaman komunis


9 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran di Tanah Melayu.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- I Desakan orang dagang
 - II Tuntutan pelabur asing
 - III Sokongan pentadbir British
 - IV Cadangan Raja-Raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10 Gambar berikut berkaitan dengan Ahli Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946.



Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- A Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu
- B Menjaga hak istimewa orang-orang Melayu
- C Merangka isi perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- D Menganggotai Majlis Perundungan Persekutuan

11 Bagaimanakah ideologi komunis disebarluaskan di Tanah Melayu?

- I Menyusup masuk dalam pertubuhan
- II Melalui hubungan antara kerajaan
- III Interaksi antara kumpulan pedagang
- IV Pembukaan cawangan Parti Kuomintang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Parti Komunis Malaya ditubuhkan pada 30 April 1930 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Apakah matlamat perjuangan komunis di Tanah Melayu?

- A Mengusir semua penjajah
- B Menyatukan pelbagai kaum
- C Menentang konsep Melayu Raya
- D Menubuhkan sebuah negara republik

13 Maklumat berikut berkaitan dengan pertubuhan politik di Tanah Melayu

Tahun	Pertubuhan
1938	Kesatuan Melayu Muda
1945	Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apakah persamaan matlamat perjuangan pertubuhan tersebut?

- A Konsep “Merdeka dengan Darah”
- B Merdeka melalui konsep Melayu Raya
- C Penubuhan sebuah parti politik pelbagai kaum
- D Mengutamakan slogan Malaya Untuk Melayu

14 Mengapa Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan di Tanah Melayu pada Januari 1949?

- A Memupuk perpaduan kaum
- B Mendapat hak sama rata
- C Mengelakkan kekacauan
- D Melicinkan pentadbiran

15 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri.

Tarikh	Keputusan
1954	Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi yang dipertandingkan

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada kemenangan tersebut?

- A Pelaksanaan pilihan raya adalah telus
- B Kerjasama kaum mendapat sokongan
- C Sokongan rakyat terhadap kemerdekaan
- D Kewibawaan calon menjadi pilihan utama

16 Apakah kepentingan pilihan raya berikut?

Pilihan Raya Majlis Perundangan

- A Melantik Perdana Menteri
- B Merintis ke arah kemerdekaan
- C Mengukuhkan kuasa Raja-Raja Melayu
- D Mentadbir negara mengikut acuan sendiri

17 Pernyataan berikut berkaitan dengan rundingan kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan ke London bagi membincangkan

Apakah tujuan rundingan tersebut?

- I Pilihan raya
- II Perlumbagaan
- III Keselamatan
- IV Kewarganegaraan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 18 Suruhanjaya Reid ditubuhkan untuk merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Bagaimanakah tugas tersebut dilaksanakan?

- A Menganjurkan kongres
- B Melaksanakan pungutan suara
- C Mengadakan persidangan akhbar
- D Mengumpul pandangan pelbagai pihak

- 19 Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di negara kita pada tahun 1957.

- Bangunan di sekitar bandar, jalan raya dan Padang Kelab Selangor dihiasi lampu
- Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas ilham Tunku Abdul Rahman

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Mengisytiharkan pembentukan Malayan Union
- B Mengesahkan perlantikan Yang di-pertuan Agong
- C Membuat persediaan menyambut kemerdekaan
- D Mengiktiraf pembentukan kabinet pertama

- 21 Perkataan kedaulatan dalam bahasa Arab berasal daripada kata *daulah* yang bermaksud

- A negara yang bebas
- B raja berkuasa mutlak
- C bersatu menentang penjajah
- D kuasa pemerintahan kerajaan

- 22 Ibnu Khaldun mentafsirkan kedaulatan sesebuah negara adalah berasaskan kekuatan semangat.

Apakah kekuatan semangat tersebut?

- I Kekitaan bangsa
- II Kehidupan beragama
- III Kuasa ketenteraan
- IV Kemajuan fizikal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 23 Mengapakah British memperkenal *Charter of Justice* di Negeri-negeri Selat?
- A Mengeksplorasi ekonomi
B Melindungi penduduk asal
C Mengurangkan kuasa pembesar
D Menjaga keselamatan warga British
- 24 Penggubalan undang-undang di Malaysia dilakukan oleh badan yang sah dalam perundangan.
- Apakah badan tersebut?
- A Parlimen
B Suruhanjaya
C Majlis Negara
D Jemaah Menteri
- 25 Apakah kesan penggubalan undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 terhadap kerajaan negeri?
- A Menjamin perpaduan kaum
B Mengkalkan kedaulatan negeri
C Melakukan pemonitan pentadbiran
D Mengukuhkan kedudukan pembesar
- 26 Malaysia telah mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen. Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sistem tersebut?
- I Rakyat terlibat dalam pemerintahan
II Wujudnya proses pilihanraya
III Menteri dilantik sebagai pentadbir
IV Majlis perundangan ditubuhkan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 Antara berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan?

- I Tanah
 - II Biasiswa
 - III Pelajaran
 - IV Kewangan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
-
- 28 Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan pada tahun 1997.

Apakah manfaat perlaksanaan program tersebut?

- I Menyelesaikan masalah kekurangan rumah
 - II Membuka kawasan baharu perumahan
 - III Membangunkan kawasan luar bandar
 - IV Menghapuskan masalah kemiskinan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Mengapa kerajaan Singapura mengadakan referendum pada 1 September 1962?

- A Menentukan pemilihan Ketua Menteri
- B Merangkakan perlembagaan baharu
- C Mengesahkan sokongan rakyat
- D Memujuk pemimpin tempatan

30 Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura pada 23 Julai 1963.

Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa tersebut?

- A Mengumpulkan pandangan
- B Merangka perlembagaan
- C Mengeratkan hubungan wilayah
- D Mengadakan rundingan

31 Apakah faktor yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia?

- A Peranan Singapura yang luas
- B Desakan pasaran bersama
- C Penolakan tuntutan hak sama rata
- D Isu Pelantikan Ketua Menteri

32 Kerajaan melaksanakan gerakan perang saraf dan operasi ketenteraan bagi mengatasi ancaman komunis.

Antara berikut, yang manakah merujuk kepada langkah perang saraf?

- A Sekatan jalanraya
- B Pembinaan sekolah
- C Tawaran pengampunan
- D Meminta bantuan antarabangsa

33 Isu berikut menjadi satu masalah kepada negara kita.

Polarisasi kaum

Mengapakah isu tersebut berlaku??

- A Hasutan kuasa barat
- B Kemunduran pendidikan
- C Perbezaan fahaman politik
- D Kemasukan ideologi komunis

34 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha membina kesejahteraan negara.

- Majlis Muhibah Negara
- Majlis Perundingan Negara

Apakah kepentingan penuhuan majlis tersebut?

- I Menyemai perasaan muhibah
- II Memupuk identiti kebangsaan
- III Meminda perlembagaan negara
- IV Membentuk negara bangsa Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha membangunkan sosioekonomi negara.

Majlis Perundingan Negara (MAPEN)

Apakah tujuan penubuhan majlis tersebut?

- A Menggubal undang-undang
- B Memperkasa bahasa kebangsaan
- C Mengukuhkan identiti kebangsaan
- D Memperkuuh hubungan luar

36 Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Strategi serampang dua mata

Mengapakah kerajaan melaksanakan strategi tersebut?

- I Meningkatkan patriotisme
 - II Memulih perpaduan rakyat
 - III Mewujudkan kesejahteraan kaum
 - IV Memodenkan pertahanan negara
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Pernyataan berikut berkaitan dengan dasar luar negara.

Matlamat Penggubalan Dasar Luar
• Melindungi kepentingan nasional
• Mempertahankan kedaulatan negara
• X

Apakah X?

- A Memajukan teknologi
- B Memupuk hubungan baik
- C Melestarikan alam sekitar
- D Mengelakkan penindasan kaum

38 Maklumat berikut berkaitan Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Luar Negeri pertama.

Kewujudannya adalah berperanan menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa

Manakah yang berkaitan dengan maklumat tersebut.

- A Parlimen
- B Wisma Putra
- C Istana Negara
- D Jabatan Perdana Menteri

39 Maklumat berikut berkaitan dengan isu pertindihan sempadan yang melibatkan Malaysia dengan negara jiran.

Tahun	Isu Tuntutan Sempadan
2002	Pulau Sipadan dan Ligitan
2008	Pulau Batu Putih

Isu tersebut berjaya diselesaikan melalui

- A tuntutan di Mahkamah Antarabangsa
- B campur tangan pertubuhan ASEAN
- C sokongan pemimpin dunia
- D rundingan diplomatik

40 Kempen antiminyak kelapa sawit secara tidak langsung telah menggugat ekonomi negara.

Apakah langkah Malaysia dalam menangani isu ini?

- A Menganjurkan Forum ASEAN-China 1995
- B Menggunakan Mahkamah Antarabangsa
- C Bekerjasama dengan Polis Antarabangsa
- D Pelaksanaan Good Agricultural Practices (GAP)

KERTAS SOALAN TAMAT

SET 2

- 1 Wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka meliputi seluruh Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.
Bagaimanakah wilayah pengaruh tersebut diperoleh Kesultanan Melayu Melaka?

- I Penaklukan
 - II Perkahwinan
 - III Perjanjian
 - IV Penganugerahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 2 Cop Mohor merupakan lambang kebesaran yang terdapat dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

- A Meluaskan empayar kerajaan
- B Pengesahan arahan sultan
- C Peningkatan perbendaharaan
- D Memajukan bidang perdagangan

- 3 Pada tahun 1928, Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar "Sumpah Pemuda" berikut dan menjadi tonggak nasionalisme Indonesia



Apakah asas yang terkandung dalam sumpah tersebut?

- I Satu tanah air
 - II Satu bangsa
 - III Satu agama
 - IV Satu suara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4

Perkembangan nasionalisme dalam dan luar negara telah menyemarakkan pergerakan nasionalisme di negara kita

Apakah kesan perkembangan tersebut kepada perjuangan intelektual negara kita?

- A Penentangan secara sulit
- B Penubuhan persatuan-persatuan
- C Kemunculan persaudaraan sejagat
- D Kewujudan perlombagaan setiap negeri

5 Kemunculan politik radikal di Jerman dan Itali adalah akibat daripada fahaman melampau.

Apakah gerakan tersebut?

- A Fasisme dan Nazisme
- B Liberalisme dan Fasisme
- C Nasionalisme dan Nazisme
- D Sekularisme dan Nasionalisme

6 Pentadbiran tentera Jepun memberi layanan kejam kepada orang Cina di negara kita.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Mengelak perpaduan
- B Sistem sosial yang berbeza
- C Sejarah pemusuhan perang
- D Mewujudkan persengketaan kaum

7 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menunjukkan penentangan terhadap Malayan Union?

- A Menganjurkan Kongres Melayu
- B Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
- C Menyuarkan bantahan dengan menulis di akhbar
- D Mengetuai tunjuk perasaan yang diadakan di bandar besar

8 Sarawak diserahkan kepada British pada 1 Julai 1946 oleh Charles Vyner Brooke.

Apakah alasan penduduk yang menyokong penyerahan tersebut?

- A Memajukan ekonomi
- B Menstabilkan negara
- C Memajukan penduduk
- D Membentuk perpaduan

9 Mengapakah gabungan PUTERA - AMCJA menentang cadangan Jawatankuasa Kerja 1946?

- A Mencabar kedudukan raja Melayu
- B Mengancam hak istimewa Melayu
- C Perlembagaan tidak demokratik
- D Ketidakseimbangan komposisi penduduk

10 Mengapakah pentadbir British menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Membela nasib penduduk
- B Mengelakkan ancaman kuasa luar
- C Mewujudkan kemajuan ekonomi
- D Mengukuhkan penguasaan British


11 Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memilikan negara sektor perusahaan
- B Menyusun semula sistem pemilikan
- C Menentang amalan buruh paksa
- D Melumpuhkan ekonomi British


12 Gambar berikut merupakan satu tindakan ganas yang dilakukan oleh komunis.



Apakah kesan kepada penduduk tempatan daripada tindakan tersebut?

- A Rakyat menderita
- B Berhijrah ke bandar
- C Mencari pekerjaan baru
- D Penularan wabak penyakit

13. Penduduk tempatan Tanah Melayu dilantik sebagai Ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951. Mengapakah pelantikan tersebut penting terhadap Tanah Melayu?
- A Pengekalan sistem pentadbiran tradisional
 - B Persediaan kearah berkerajaan sendiri
 - C Pengukuhan kuasa politik bumiputera
 - D Penjimatan perbelanjaan kerajaan
14. Sebelum merdeka, sistem pendidikan tidak dapat memupuk perpaduan kaum di Tanah Melayu. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?
- A Kemudahan asas terhad
 - B Tenaga pengajar kurang
 - C Kurikulum pelajaran berbeza
 - D Peruntukan kewangan dikurangkan
- 15 Apakah kepentingan pilihanraya dalam konteks negara yang berdaulat?
- A Membentuk sebuah kerajaan
 - B Menggalakkan penubuhan parti politik
 - C Menjamin ketelusan pentadbiran
 - D Mengelakkan warisan bangsa
- 16 Gambar berikut merupakan Kabinet Kerajaan Persekutuan 1955.



Bagaimanakah kabinet tersebut berperanan dalam perkembangan sejarah kemerdekaan tanah air?

- A Mengukuhkan kuasa Raja-raja
- B Mengkaji semula syarat kerakyatan
- C Menetapkan hala tuju kerajaan negeri
- D Mengurangkan kuasa pentadbiran British

17 Tokoh berikut telah berangkat ke London untuk berunding dengan British pada 9 Mei 1957.

- Tunku Abdul Rahman
- Dato'Abdul Razak Hussein
- Ong Yoke Lin
- V. T. Sambathan

Apakah isu rundingan tersebut?

- A Pertahanan
- B Kemerdekaan
- C Kewarganegaraan
- D Pengurusan kewangan

18 Perkara 153 dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 memperuntukkan rakyat keturunan Melayu diberikan beberapa keutamaan.

Apakah keutamaan tersebut ?

- A Pemilikan tanah
- B Jawatan kerajaan
- C Kenaikan pangkat
- D Bantuan perumahan

19 Maklumat berikut berkaitan dengan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka?

- Kebebasan bersuara
- Tanggungjawab terhadap negara

Apakah prinsip kedaulatan tersebut?

- A Kerajaan
- B Wilayah pengaruh
- C Kedaulatan undang-undang
- D Pengiktirafan sebagai rakyat

20 Bagaimanakah rakyat berpeluang membentuk kerajaan dalam sistem Demokrasi Berparlimen?

- A Melantik ketua utama negara
- B Meminda perlombagaan
- C Mengadakan demonstrasi
- D Memilih wakil melalui pilihan raya

21 Maklumat berikut berkaitan dengan deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB

Apakah prinsip yang dikemukakan dalam deklasari tersebut?

- A Perlembagaan dunia
- B Persamaan kedaulatan
- C Perisyiharan kemerdekaan
- D Penguatkuasaan undang-undang

22 Gambar menunjukkan persidangan Durbar pertama di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897.



Gambar 1

Apakah fungsi majlis tersebut?

- A Membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan
- B Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
- C Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu
- D Menggubal dasar Kerajaan Persekutuan

23 Apakah fungsi Jemaah Menteri dalam struktur pentadbiran negara kita?

- A Melantik hakim mahkamah
- B Membuat undang-undang
- C Menjaga keamanan
- D Menggubal dasar

24 Mengapakah hakim tidak dibenarkan terlibat dalam kegiatan politik?

- A Menjamin integriti
- B Mengutamakan kes mahkamah
- C Menghalang pertindihan kuasa
- D Menjaga keselamatan

25 Antara berikut, yang manakah perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan?

- I Tanah
- II Biasiswa
- III Pelajaran
- IV Kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dilaksanakan pada tahun 1997.

Apakah manfaat perlaksanaan program tersebut?

- I Menyelesaikan masalah kekurangan rumah
- II Membuka kawasan baharu perumahan
- III Membangunkan kawasan luar bandar
- IV Menghapuskan masalah kemiskinan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27 Mengapa penduduk Sabah menolak cadangan pembentukan Malaysia pada peringkat awal ?

- A Melindungi hak peribumi
- B Mengancam keselamatan
- C Mengelakkan pentadbiran British
- D Mengelakkan ancaman Indonesia

28 Perjanjian Malaysia ialah sebuah dokumen yang ditandatangani pada 1963 di London.

Apakah inti pati Perjanjian Malaysia

- I Tarikh pembentukan Malaysia ialah pada 31 Ogos 1963
- II Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri
- III Sarawak dan Sabah diberikan hak menubuhkan Majlis Perundangan Negeri
- IV Kerusi Parlimen diberikan sama rata kepada Singapura, Sarawak dan Sabah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Mengapakah integrasi nasional dan semangat satu negara menjadi satu cabaran besar yang dihadapi Malaysia ?

- A Jarak antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah
- B Jurang pendapatan yang ketara
- C Kepelbagaian sistem pendidikan
- D Terpengaruh dengan ideologi negara luar

30 Maklumat di bawah berkaitan dengan isu yang dihadapi oleh negara kita pada awal kemerdekaan.

- Masalah kesihatan dan sosial
- Keperluan asas dan hak wanita

Bagaimanakah isu tersebut diatasi oleh pihak kerajaan?

- A Memperkasakan industri
- B Melancarkan program pembangunan negara
- C Memperkenalkan program Perancang Keluarga
- D Mempelbagaikan bidang pertanian

31 Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

- Penyata Razak
- Laporan Rahman Talib
- Kajian Aminuddin Baki

Apakah matlamat pembentukan dasar tersebut?

- A Menyatukan sistem pendidikan vernakular
- B Menyekat pengaruh deologi komunis
- C Memperkasa pelaksanaan Bahasa Inggeris
- D Mengeratkan hubungan antara kaum

33 Mengapakah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) tersebut diadakan secara bergilir-gilir?

- A Melahirkan semangat berpasukan
- B Menggalakkan integrasi antara negeri
- C Meningkatkan mutu sukan universiti
- D Mengeratkan hubungan atlet

33 Apakah yang dimaksudkan dengan Keluhuran Perlembagaan?

I Keadilan

II Kesungguhan

III Keagungan

IV Ketertinggian

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

34 Berikut merupakan cabaran kerajaan pasca kemerdekaan.

- Kemiskinan rakyat
- Pengasingan kaum ikut fungsi ekonomi

Apakah usaha kerajaan untuk menyelesaikan cabaran tersebut?

A Memansuhkan kutipan cukai

B Mengasaskan penubuhan FELDA

C Mencairkan rizab simpanan negara

D Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru

35 Gambar berikut berkaitan dengan Rancangan Buku Hijau.



Mengapa kerajaan memperkenalkan rancangan tersebut?

A Menyediakan kemudahan asas

B Memodenkan jalan perhubungan

C Menambahkan pendapatan rakyat

D Mengusahakan tanaman komersial

36 Misi pengaman dihantar ke Congo pada tahun 1960 hingga 1964.

Mengapa misi ini disertai oleh Malaysia?

- A Membantu pentadbiran
- B Mendaulatkan undang-undang
- C Memberi latihan teknikal
- D Menjadi jurubahasa

37 Berikut merupakan deklarasi yang dikemukakan Malaysia dalam ASEAN.

Deklarasi Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) diumumkan di Kuala Lumpur pada tahun 1971.

Apakah bukti yang menunjukkan Malaysia akur pada deklarasi tersebut?

- A Menjalin hubungan dengan China
- B Menentang Dasar Apartheid Afrika Selatan
- C Menghalang pengeksploitasi benua Antartika
- D Menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain

38 Jadual berikut berkaitan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam menangani isu politik negara Islam.

Isu Politik	Sumbangan
Perang Iran - Iraq	Menghantar tentera pemerhati PBB
Kekejaman Zionis Israel di Palestin	X

Apakah X

- A Menyokong kemerdekaan negara
- B Menyediakan dana pembangunan
- C Memberi latihan ketenteraan
- D Menghantar misi pengaman

39 Maklumat berikut berkaitan kerjasama pembangunan ekonomi segitiga yang disertai Malaysia.

- Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT)
- Singapura-Johor-Riau-Growth Triangle (SIJORI-GT)

Apakah manfaat yang diperolehi Malaysia melalui kerjasama serantau?

- A Membangunkan wilayah baru
- B Menangani kemelesetan ekonomi
- C Mengatasi kekurangan tenaga kerja
- D Mengoptimakan sumber bahan mentah

40 Maklumat berikut berkaitan komitmen Malaysia dalam memelihara keaslian alam sekitar.

Tahun	Peristiwa
2006	Mengisytiharkan Langkawi sebagai geopark

Apakah kesan daripada pengisytiharan tersebut?

- A Kawalan perubahan iklim
- B Penggunaan tenaga baharu
- C Pengenalan teknologi hijau
- D Kelestarian negera terjamin

KERTAS SOALAN TAMAT

SET 3

- 1 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Kawasan pegangan ialah kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat

Apakah peranan Pembesar Berempat di kawasan pegangan tersebut?

- A Mengutip cukai
- B Mengurus sungai
- C Megetuai angkatan laut
- D Mewakili sultan ke luar negara

- 2 Apakah kepentingan pegawai pelayaran berikut sebagaimana yang tercatat dalam Undang- undang Laut Melaka?

- Malim
- Jurubatu

- A Mengawal barang dagangan
- B Mengurus kebajikan penumpang
- C Menentukan jumlah cukai penumpang
- D Memastikan keselamatan pelayaran

- 3 Revolusi Keagungan di England berlaku pada tahun 1688.
Mengapakah revolusi tersebut tercetus?

- A Menentang pengenalan cukai baharu
- B Menyekat pencerobohan kuasa luar
- C Menegakkan kedaulatan parlimen
- D Mempertahankan sistem beraja

4 Maklumat berikut berkaitan perkembangan idea nasionalisme di Barat.

X	<ul style="list-style-type: none">• Menentang akta memungut cukai• Melaungkan slogan “tiada cukai tanpa perwakilan”
----------	--

Apakah X?

- A Revolusi Keagungan
- B Revolusi Amerika
- C Revolusi Perancis
- D Revolusi Eropah

5 Bagaimanakah tokoh berikut mengembalikan maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama?



Adolf Hitler

- A Membangunkan industri baharu
- B Memperkuuh sistem minorki
- C Mengamal dasar berkecuali
- D Membina angkatan tentera

6 Mengapakah persidangan berikut diadakan selepas Perang Dunia Pertama?

Persidangan Damai Paris pada 18 Januari 1919

- A Menubuhkan Liga Bangsa
- B Menjatuhkan negara Jerman
- C Membincangkan syarat perdamaian
- D Mewujudkan kerjasama antarabangsa

7 Mengapakah pentadbiran berikut yang dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu?

Tarikh	Perkara
12 September 1945	British Military Administration (BMA)

- A Meningkatkan pelaburan
- B Mengembalikan kestabilan
- C Meningkatkan ekonomi
- D Melicinkan pentadbiran

8 Maklumat berikut berkaitan Kertas Putih 6272.

Tarikh	Perkara
22 Januari 1946	Membentangkan 13 perkara kandungan Malayan Union yang diluluskan oleh Parlimen British di London

Apakah 13 perkara tersebut?

- I Sistem persenjataan
 - II Keistimewaan kaum bumiputera
 - III Bentuk pentadbiran
 - IV Kedudukan Raja-raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

9 Pertubuhan berikut menentang perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ● Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) ● All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) |
|--|

Apakah persamaan pertubuhan tersebut?

- A Memastikan penjajahan British dikekalkan
- B Mencadangkan Perlembagaan Rakyat
- C Menentang Hari Hartal Se-Malaya
- D Membantah penubuhan UMNO

10 Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada sistem pemerintahan beraja di negara kita?

- A Pemerintahan raja berkuasa mutlak dikembalikan
- B Pemulihan kuasa Raja-raja Melayu
- C Pematapan kerjasama kaum
- D Pentadbiran negara diketuai oleh Yang Di-Pertuan Agong

11. Bagaimanakah ideologi komunis disebarluaskan di Tanah Melayu?

- I Menyusup masuk dalam pertubuhan
 - II Melalui hubungan antara kerajaan
 - III Interaksi antara kumpulan pedagang
 - IV Pembukaan cawangan Parti Kuomintang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Gambar berikut merujuk Sir Gerald Templer semasa melancarkan perang saraf.



Bagaimanakah beliau mendapatkan sokongan penduduk supaya menyokong usaha perang saraf tersebut?

- A Mewujudkan Kampung Baru
- B Memperkenalkan kad pengenalan
- C Membawa masuk tentera Komanwel
- D Melonggarkan syarat kewarganegaraan

13 Jadual 1 berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	
Tarikh	Januari 1949
Tujuan	Menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum
Moto	Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibbah dalam kalangan penduduk negara ini


Apakah cadangan jawatankuasa tersebut untuk mencapai objektifnya?

- A Menubuhkan parti politik pelbagai kaum
- B Melonggarkan syarat kewarganegaraan
- C Memperkenalkan sistem sekolah vernakular
- D Memberikan hak sama rata kepada semua kaum

14. Apakah teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 bagi memupuk perpaduan kaum?

- I Pelantikan guru pelbagai kaum
 - II Penggubalan kurikulum seragam
 - III Pelaksanaan sistem persekolahan sama
 - IV Pendidikan sekolah vernakular
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15 Berikut merupakan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X?

- A Persempadanan kawasan
- B Pelancaran manifesto
- C Penamaan calon
- D Pengiraan undi

16 Pilihan Raya Umum pertama telah diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan dan penamaan calon telah dibuat pada 15 Jun 1955.

Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menyertai penamaan calon tersebut?

- I Tidak diisyiharkan muflis
 - II Berumur 21 tahun ke atas
 - III Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
 - IV Memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

17 Maklumat berikut berkaitan perjalanan rombongan kemerdekaan ke London.

Pada 1 Januari 1956, rombongan kemerdekaan menaiki kapal laut, M.V.Asia dari Singapura ke Karachi, Pakistan.

Mengapa perjalanan tersebut dirancang sedemikian?

- A Mengadakan perbincangan
- B Menjelaskan misi rundingan
- C Menjimatkan kos perjalanan
- D Meraih sokongan Pakistan


18 Senarai berikut merupakan tokoh yang terlibat dalam mendapatkan kemerdekaan negara.

- Encik Abdul Aziz Abdul Majid
- Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
- Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

Apakah persamaan tokoh-tokoh tersebut?

- A Askar Wataniah
- B Golongan penulis
- C Pimpinan parti politik
- D Wakil Raja-raja Melayu

19 Rajah berikut berkaitan takrif kemerdekaan menurut *Kamus Dewan*.



X merujuk

- A Autonomi
- B Berdaulat
- C Kesetiaan
- D Patriotisme

20 Jawatankuasa Persediaan Fizikal bertanggungjawab menonjolkan identiti negara bagi persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan.

Antara berikut yang manakah dikaitkan dengan identiti negara?

- I Keris
- II Jata Negara
- III Lagu *Negaraku*
- IV Wau Bulan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Apakah asas sistem perundangan negara kita?

- A Badan Kehakiman
- B Senarai Bersama
- C Mahkamah Tinggi
- D Perlembagaan Persekutuan

22 Mengapakah negara yang berdaulat perlu mempunyai sempadan?

- A Memudahkan pentadbiran
- B Mengukuhkan perpaduan
- C Membezakan penduduk
- D Menjamin keadilan

23 Apakah undang-undang yang digunakan di negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan Barat?

- A Undang-undang kuno
- B Undang-undang Syariah
- C Undang-undang adat
- D Undang-undang Inggeris

24 Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?

- A Mengelakkan persengketaan
- B Mengukuhkan perpaduan
- C Meningkatkan ekonomi
- D Melindungi penduduk

25 Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Melayu.

Kesultanan Melayu Melaka telah mengamalkan pemerintahan raja berkuasa mutlak. Pemerintahan kesultanan ini diperkuuhkan dengan konsep Islam.

Apakah kesan yang diperolehi seseorang raja apabila konsep Islam ini diperkuuhkan?

- A Kesejahteraan hukum adat
- B Kesinambungan pemerintahan
- C Raja sebagai ketua agama Islam
- D Raja mengetuai pentadbiran kerajaan

26 Sebagai warganegara yang bertanggungjawab kita perlu memahami kepentingan pilihan raya.

Apakah kepentingan pilihan raya?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Memilih menteri dalam kerajaan
- C Mewujudkan semangat patriotisme
- D Memberi mandat membentuk kerajaan

27 Perkara yang manakah yang terkandung dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan 1965?

- I Imigresen
- II Kewangan
- III Struktur Mahkamah Atasan
- IV Jawatan Yang di-Pertua Negeri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28

Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Mengapakah peruntukan kuasa lebih besar diberikan pada peringkat Persekutuan?

- A Mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat
- B Melicinkan sistem Persekutuan
- C Menguatkuasakan undang-undang
- D Mewujudkan negara yang berdaulat

- 29 Idea pembentukan Malaysia dikemukakan pada akhir abad ke-19 yang melibatkan pegawai British.

Mengapakah pegawai British mencadangkan idea tersebut?

- I Potensi ekonomi
- II Tujuan keselamatan
- III Melaksanakan pembangunan wilayah
- IV Memperkuatkkan kuasa politik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 30 Pada 23 Julai 1961, Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) ditubuhkan di Singapura.

Mengapakah JSKM ditubuhkan?

- A Menilai pengaruh parti berhaluan kiri
- B Mengelakkan sistem pentadbiran British
- C Mengumpul pandangan pembentukan Malaysia
- D Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan

- 31 Negara kita menghadapi pelbagai cabaran selepas pembentukan Malaysia.

Apakah cabaran dalaman yang dihadapi oleh Malaysia?

- I Membangunkan kemudahan infrastruktur
- II Mempelbagaikan kegiatan perdagangan
- III Memajukan sistem pendidikan
- IV Masalah perpaduan kaum

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Apakah cabaran kerajaan Malaysia dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak serta Sabah?

- A Masalah modal
- B Saiz negeri yang besar
- C Tiada kerjasama rakyat
- D Kedudukan yang bergunung ganang

33 Maklumat berikut berkaitan usaha kerajaan membentuk masyarakat sejahtera.

- Perpaduan Kaum
- Integrasi Nasional

Apakah matlamat usaha tersebut?

- A Meningkatkan sosioekonomi
- B Melicinkan pentadbiran negara
- C Membentuk identiti kebangsaan
- D Membina masyarakat berdaya saing

34 Apakah matlamat penubuhan institusi berikut di negara kita?

- Sekolah Seri Puteri
- Sekolah Alam Shah

- A Melahirkan golongan elit Melayu
- B Mengukuhkan integrasi pendidikan
- C Menghasilkan tenaga kerja mahir
- D Memartabatkan bahasa Melayu

35 Berikut merupakan slogan yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

- Bahasa Jiwa Bangsa

Apakah nilai yang ingin diketengahkan oleh kerajaan melalui slogan tersebut?

- A Berdaya saing
- B Bersatu padu
- C Bertolak ansur
- D Berpandangan jauh

36 Pernyataan berikut berkaitan dengan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- Membasmi kemiskinan
- Menyusun semula masyarakat

Mengapakah strategi tersebut dilaksanakan?

- A Menghapuskan kemelesetan ekonomi
- B Menghalang wabak penyakit
- C Mengurangkan jurang sosioekonomi
- D Meningkatkan kesihatan awam

37 Mengapakah kerajaan melancarkan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) kepada kaum bumiputera?

- A Mengusahakan industri desa
- B Meningkatkan taraf hidup
- C Membuka peluang pekerjaan
- D Melahirkan tenaga kerja mahir

38

Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj

Apakah sumbangan tokoh diatas dalam pertubuhan OIC?

- A Mencadangkan penubuhan Bank Islam
- B Menjawat Setiausaha Agung pertama
- C Memperjuangkan hak asasi manusia
- D Membaiayai projek pembangunan negara Islam

39 Maklumat berikut berkaitan dengan AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN)

AFTA bertujuan menjadikan kawasan ASEAN tempat produksi barang keluaran negara ASEAN. Malaysia bersetuju meningkatkan perdagangan sesama anggota ASEAN.

Mengapakah Malaysia bersetuju menyertai pertubuhan tersebut?

- A Meningkatkan imej negara
- B Memajukan bidang teknikal
- C Menurunkan kadar mata wang
- D Mengurangkan tarif dan cukai

40

Tahun	Dasar Negara
2009	Dasar Teknologi Hijau Negara

Apakah tujuan dasar tersebut dilaksanakan?

- A Memperkasa isu kemanusiaan
- B Mengawal perubahan iklim
- C Daya penarik pelaburan asing
- D Bersaing dengan negara maju

KERTAS SOALAN TAMAT

TINGKATAN 4

BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

- 1 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran, peraturan dan masyarakat yang tersusun serta corak politiknya yang tersendiri bagi membentuk negara bangsa.

(a) Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kedua-dua ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka dalam 1(a).

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengekalkan warisan negara bangsa?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Keunggulan Kesultanan Melayu Melaka terbukti melalui sistem pentadbirannya yang diketuai oleh sultan dan dibantu oleh Pembesar Berempat. Sistem pentadbiran yang teratur menjadikan kerajaan ini masyhur.

(a) Namakan jawatan **dua** Pembesar Berempat yang terdapat dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

(i)

.....

(ii)

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan sistem pentadbiran pusat yang diamalkan dalam pemerintahan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Jelaskan manfaat daripada perlaksanaan sistem pentadbiran yang teratur ke atas kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berdasarkan syariah dan hukum adat.

(a) Jelaskan kandungan kedua-dua undang-undang berikut:

- | | | |
|------|---------------------------|------------|
| (i) | Hukum Kanun Melaka | [4 markah] |
| (ii) | Undang-Undang Laut Melaka | [4 markah] |

(b) Mengapa undang-undang di 3(a) dilaksanakan oleh Kesultanan Melayu Melaka?
[4 markah]

(c) Baca petikan berikut.

KUALA LUMPUR - Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memberi amaran dan peringatan keras kepada orang ramai untuk tidak mengambil tindakan sendiri berhubung apa jua insiden yang berlaku di negara ini. Beliau berkata, meskipun pihak terlibat merasakan mempunyai hak terhadap apa yang berlaku, namun negara mempunyai sistem perundangan yang harus dipatuhi. Menurutnya, orang ramai atau kumpulan tertentu tidak perlu mengambil tindakan sendiri yang kononnya dirasakan wajar.

Tegas beliau, PDRM juga sentiasa memantau rapi hantaran-hantaran di media sosial yang boleh membangkitkan amarah serta sensitiviti antara kaum dan agama. Sehubungan itu kata beliau, orang ramai dinasihatkan untuk tidak memainkan dan menimbulkan isu berhubung 3R (agama, raja serta kaum). Jelasnya, perkara seumpama itu akan mengundang kegusaran dan ketidaktereman dalam kalangan masyarakat. Menurut beliau, semua laporan yang dibuat oleh orang ramai akan disiasat pihak polis secara menyeluruh.

Sumber: <https://www.sinarharian.com.my/article/657151>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan apakah kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara.

[8 markah]

BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

- 1 Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk Empayar Uthmaniyah.

(a) Jelaskan faktor-faktor berlakunya Perang Dunia Pertama.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah Perjanjian Damai Paris dan Perjanjian Versailles yang diadakan telah menyebabkan berakhirnya Perang Dunia Pertama?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Semangat patriotisme penting untuk mengekalkan kedaulatan negara,
Jelaskan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Gerakan anti-Jepun turut berlaku di Sarawak dan Sabah.

(a) Jelaskan gerakan anti-Jepun yang berlaku di negeri-negeri tersebut:

i) Operasi Semut di Sarawak

.....
.....
.....

[3 markah]

ii) Pemberontakan Jesselton di Sabah

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Pendudukan Jepun di negara kita merupakan satu detik hitam dalam lipatan sejarah negara.

Ulaskan

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941 – 1945) berlaku di Lautan Pasifik, Tanah Besar Asia dan Kepulauan Asia Tenggara. Perang ini berpunca daripada kemunculan Jepun sebagai kuasa tentera yang menjalankan imperialisme di Asia Pasifik.


- (a) Mengapakah Jepun ingin menakluk rantau Asia Pasifik?

[6 markah]

- (b) Slogan “Semangat Asia” dan “Asia Untuk Orang Asia” telah berjaya membantu Jepun menguasai negara kita. Buktikan pernyataan ini.

[6 markah]

- (c) Teliti gambar tersebut.



Jelaskan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut dan huraikan kesan penjajahan kepada masyarakat dunia.
[8 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

BAB 4: ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

- 1 British Military Administration (BMA) atau Pentadbiran Tentera British diisytiharkan di negara kita selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

(a) Apakah tujuan British memperkenalkan pentadbiran BMA di Tanah Melayu?

.....
.....
.....
.....

[2 markah]

b) Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh BMA dalam melaksanakan usahanya?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- c) Gambar berikut menunjukkan sambutan rakyat Tanah Melayu terhadap kedatangan tentera British pada tahun 1945.



Pada pandangan anda, mengapa rakyat Tanah Melayu tidak menentang kedatangan tentera British ketika itu?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Gagasan Malayan Union diperkenalkan oleh British dan dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946.

a) Apakah tujuan British menubuhkan Malayan Union?

.....
.....
.....

[2 markah]

b) Jelaskan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Peristiwa penubuhan Malayan Union merupakan titik penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, yang mencerminkan kesedaran politik orang Melayu terhadap hak dan kedudukan mereka dalam negara.

Sumber : Arkib Negara Malaysia

Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Pengisytiharan Malayan Union pada 1 April 1946 telah menimbulkan reaksi yang menentang pelaksanaannya.

(a) Jelaskan penentangan berikut:

(i) Raja-raja Melayu [6 markah]

(ii) Rakyat [6 markah]

(b) Teliti maklumat dalam petikan berikut:

Peristiwa penentangan gagasan Malayan Union berpunca daripada prinsip-prinsip Malayan Union yang diperkenalkan pada tahun 1946 yang dilihat merugikan status quo orang Melayu sebagai peribumi di Tanah Melayu.

Malayan Union membangkitkan keterancaman Melayu apabila orang Melayu merasakan wajah Tanah Melayu akan hilang dalam gagasan Malayan Union kerana syarat kerakyatan kepada golongan imigran telah dilonggarkan. Orang Melayu yang mula merasakan bahawa ‘Malaya’ yang dimaksudkan bukan lagi bermaksud ‘tanah untuk orang Melayu’ mula menunjukkan tanda-tanda bantahan kepada gagasan Malayan Union.

Keterancaman yang dirasakan oleh orang Melayu mula disuarakan oleh beberapa akhbar misalnya Utusan Melayu, Warta Negara dan Majlis yang mengkritik langkah terbelakang dasar Inggeris terhadap orang Melayu.

Peristiwa ini membuktikan bahawa sebarang tindakan yang menyentuh elemen keterancaman orang Melayu akan meninggalkan kesan yang cukup besar kepada budaya politik orang Melayu khususnya dalam membangkitkan kesedaran berpolitik.

Sumber diubahsuai: Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities, 2022

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara kita sekiranya Malayan Union berjaya dilaksanakan. [8 markah]

BAB 5: PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

- 1 Gambar berikut menunjukkan anggota Jawatankuasa Kerja yang merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



- a) Namakan **dua** orang anggota Suruhanjaya Kerja tersebut.

(i).....
(ii).....

[2 markah]

- b) Terangkan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- b) Pembentukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menggambarkan toleransi penduduk negara ini dalam usaha menuntut kemerdekaan.

Jelaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 selepas mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

- a) Mengapakah persekutuan ini ditubuhkan?

.....
.....
.....

[2 markah]

- b) Jelaskan ciri-ciri PTM 1848 dari aspek berikut :

- (i) Pentadbiran

.....
.....
.....

[2markah]

- (ii) Kewarganegaraan

.....
.....
.....

[2markah]

- b) Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 membawa pelbagai implikasi (kesan) yang baik sehingga hari ini.

Buktikan..

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Pada 1 Februari 1948, PTM telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-Raja Melayu menandatangani perjanjian tersebut.

- (a) Mengapakah persekutuan di atas ditubuhkan? [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan penubuhan persekutuan tersebut terhadap penduduk Tanah Melayu? [6 markah]
- (c) Jelaskan kesan penubuhan persekutuan tersebut terhadap penduduk Tanah Melayu?



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut

[8 markah]

.....

BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS DAN ANCAMAN PENGISYIHKARAN DARURAT

- 1 Ideologi komunis telah disebarluaskan di negara kita bermula sejak 1920-an. Ideologi ini dibawa oleh Parti Komunis Malaya (PKM).

(a) Nyatakan **dua** buah negara yang terlibat dalam penyebaran fahaman komunis di negara kita.

(i).....

(ii).....

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah PKM menyebarkan ideologi mereka di Tanah Melayu?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Baca petikan berikut.

...sejarah kekejaman komunis membunuh perajurit negara, malah orang awam yang tidak berdosa tidak wajar dipadam dan tidak dilupakan. Yang pasti, sejarah perjuangan pengganas komunis ibarat parut luka besar dalam sejarah Malaysia.

Sumber ubah suai: <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle>

Ulaskan petikan tersebut.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Rajah menunjukkan usaha menangani ancaman komunis di negara kita.



- (a) Apakah maksud perang saraf?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) British telah memperkenalkan undang-undang darurat untuk mengatasi ancaman komunis.

Jelaskan undang-undang darurat tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Mengapakah British mengambil tindakan memperkasakan pasukan keselamatan?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Perkembangan pengaruh komunis di negara kita berlaku sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua. Tindakan komunis melancarkan perjuangan bersenjata menyebabkan British mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu pada 18 Jun 1948. Tempoh darurat selama 12 tahun telah menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk tempatan.
- (a) Jelaskan peristiwa yang membawa kepada perisytiharan darurat di Tanah Melayu.
[4 markah]
- (b) Huraikan kesan zaman darurat terhadap negara kita.
[8 markah]
- (c) Baca petikan berikut.

Setiap warganegara bertanggungjawab mempertahankan negara apabila ada anasir jahat yang cuba untuk mengancam keselamatan negara. Menjadi tanggungjawab setiap rakyat untuk bangkit mempertahankan negara dengan kemampuan yang ada tanpa mengira warna kulit dan agama. Janganlah pula ada pihak yang sanggup bersekongkol dengan musuh untuk meruntuhkan negara.

Sumber:<https://www.hmetro.com.my/amp/rencana>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan langkah mempertahankan keselamatan negara.
[8 markah]

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

BAB 7 : USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN

- 1 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

(a) Senaraikan **dua** anggota jawatankuasa tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan isu yang perlu diselesaikan oleh jawatankuasa tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Kerjasama politik bagi membentuk kerajaan adalah boleh ubah paling penting kerana ia adalah pemangkin utama parti politik menyertai dan membentuk kerjasama.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/>

Ulaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Selepas Perang Dunia Kedua, banyak parti politik ditubuhkan di negara kita pada tahun 1940-an dan 1950-an.

(a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan kerjasama politik antara kaum dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)

Kerjasama politik bagi membentuk kerajaan adalah boleh ubah paling penting kerana ia adalah pemangkin utama parti politik menyertai dan membentuk kerjasama.

Sumber : <https://www.bharian.com.my/>

Ulaskan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

BAB 8 : PILIHAN RAYA

- 1 Gambar menunjukkan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955.



- (a) Senaraikan **dua** jawatan yang terdapat dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.
- (i)
- (ii)

[2 markah]

- (b) Jelaskan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....
.....
